



TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

MERANGKAP

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

SEMPENA MAJLIS PELANCARAN

DANA INSPIRASI MALAYSIA (INSPIRASIKU)

DEWAN AZMAN HASHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), KUALA

LUMPUR

6 NOVEMBER 2019 (RABU)/ 9 RABI'UL AWAL 1441H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara Pengerusi majlis.

[SALUTATION]

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, dapat kita semua hadir pada petang ini ke **Majlis Pelancaran Dana Inspirasi Malaysia** atau singkatannya **Inspirasiku**.
2. Tahniah kepada semua yang terlibat mengambil inisiatif untuk menjayakan Majlis Pelancaran Dana (Inspirasiku), YAPEIM, rakan strategiknya iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan penyumbang-penyumbang lain.

Hadirin dan hadirat sekalian, terima kasih kerana sudi hadir bersama-sama dalam majlis yang diberkati Allah SWT dengan izin-Nya pada hari ini.

3. Salah satu daripada Maqasid Syariah atau matlamat Syariah Islam ialah menjaga keturunan.

Menjaga keturunan bukan sahaja sekadar memastikan umat Islam mempunyai zuriat-zuriat yang boleh meneruskan keturunannya.

Akan tetapi, ia menuntut usaha-usaha agresif dan praktikal generasi hari ini supaya merancang masa hadapan, dengan mengumpulkan segala kekuatan dan kemampuan yang ada, demi memastikan generasi penerus hidup dengan selamat, selesa, mempunyai bekal ilmu, pengetahuan serta kemahiran yang

memandu mereka meneruskan hidup dan lain-lain.

4. Dalam firman-firman-Nya, Allah SWT banyak kali menggesa hamba-hamba-Nya untuk tujuan tersebut.

Hari-hari mendatang tidak dapat diduga apakah bentuk cabaran-cabarannya.

5. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Qasas, ayat 77, yang bermaksud,

“Dan tuntutanlah dengan harta yang Allah kurniakan kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu dari dunia; dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu; dan

janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.”

Hadirin hadirat yang dimuliakan

6. Dana Inspirasi Malaysia diwujudkan oleh YaPEIM di bawah teras **Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariahnya** bagi membantu pelajar dalam **kalangan keluarga B40**, memulakan sesi persekolahan dan persediaan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

7. Dengan **sasaran** sebanyak **RM40 juta**, YaPEIM berharap supaya ia dapat memberi bantuan kepada **hampir 40,000**

pelajar sekolah dan IPT di seluruh negara.

8. Usaha yang dilaksanakan dengan mengambil peduli kebajikan Golongan B40 ini, berupa satu usaha yang sangat murni dan amat bertepatan dengan hasrat Kerajaan sebagaimana yang dizahirkan dalam **Belanjawan 2020**; yang bertemakan “**Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama**”, dengan “**Mewujudkan masyarakat yang bersatu, inklusif dan saksama**” sebagai salah satu daripada empat terasnya.

Saya difahamkan YaPEIM telah melaksanakan pelbagai program dan

aktiviti di bawah Kluster Kebajikan, Keusahawanan dan Sosioekonomi.

Saya juga dimaklumkan **seramai 2.2 juta orang** dan **173,538 institusi** telah menerima manfaat dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi pembangunan sosioekonomi dan amal jariah ini sebanyak **RM581 juta sejak tahun 1984 sehingga September tahun ini.**

Peruntukan ini adalah daripada Tabung Amanah YaPEIM, hasil daripada sumbangan dan derma masyarakat dan badan-badan korporat yang prihatin.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

9. Kementerian Pendidikan Malaysia dalam laporan Pencapaian Setahunnya menyeranai manfaat untuk pelajar-pelajar dalam kalangan B40.

Manfaat yang ditawarkan kepada golongan ini adalah:

i) **60%** kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mulai sesi 2019.

Daripada **4,888 orang pelajar** yang telah ditawarkan, **2,630** atau **53.8 peratus** menerima tawaran ke SBP.

ii) Keutamaan untuk mengikuti **Program Matrikulasi** mulai **2019/2020**.

Sebanyak **60%** daripada jumlah enrolmen dikhaskan bagi mereka.

iii) Laluan Khas ke Universiti Awam.

Sebanyak **23,895 tempat** telah disediakan bagi sesi pengajian 2018/2019.

10. Ini menunjukkan bahawa peluang pendidikan sekarang diberikan kepada pelajar dalam kalangan B40.

Kita sudah pasti tidak mahu mereka terlepas peluang ini akibat daripada ketidakmampuan kewangan keluarga mereka.

Akibatnya, mereka tidak dapat memajukan diri mereka melalui pendidikan yang

terbaik di peringkat menengah dan juga pengajian tinggi.

Walhal, pendidikan yang berkualiti adalah satu strategi yang sangat berkesan bagi mengubah nasib sesebuah keluarga.

11. Aksesibiliti pelajar dalam kalangan B40 kepada pendidikan di sekolah berasrama penuh kerajaan dan universiti awam sudah ditingkatkan.

Sekarang masanya untuk digembleng tenaga bersama-sama oleh pelbagai pihak bagi mengupayakan pelajar-pelajar ini memanfaatkan peluang-peluang tersebut.

12. Siapa itu Golongan B40?

Berdasarkan kepada kajian selidik yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM, Golongan B40 atau "*Bottom 40*" ini ditafsirkan sebagai **isi rumah dengan pendapatan terendah 40 peratus.**

Menurut kajian DOSM pada **tahun 2016**, kumpulan sasar B40 merujuk kepada **isi rumah berpendapatan kurang daripada RM4,360 sebulan.**

Sejumlah **2.8 juta isi rumah** berada dalam kelompok ini dan mereka termasuk golongan keluarga miskin yang boleh berdaftar dengan e-Kasih, iaitu dalam kalangan **isi rumah yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan**

(PGK) semasa mengikut negeri. PGK Nasional pada masa ini ialah RM980.

Hadirin hadirat sekalian

13. Pemeraksanaan golongan ini bagi mendapat hak dan peluang pendidikan yang sama harus disokong oleh semua pihak termasuk individu, syarikat dan institusi yang mempunyai keupayaan untuk sama-sama menggembeleng sumber.

14. Usaha YaPEIM dalam memupuk kesedaran dan keprihatinan masyarakat dalam menyantuni kumpulan sasar melalui Inisiatif Inspirasiku ini diharap akan memberi manfaat khususnya kepada golongan sasaran.

15. Inisiatif seperti ini juga merupakan langkah yang bertepatan dengan keperluan semasa dalam menghidupkan agenda **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** dalam kalangan pelajar bagi tujuan menangani aspek kebajikan dan pendidikan khususnya bagi pelajar Kumpulan B40.

Hadirin hadirat sekalian,

16. Kerajaan melalui **Belanjawan 2020** menaikkan nilai ambang pelaporan derma kepada **RM20,000** pada tahun hadapan daripada RM10,000 ketika ini, bagi menggalakkan sektor swasta menderma demi tanggungjawab sosial.

Pada tahun hadapan juga, had potongan cukai dalam kalangan rakyat Malaysai ke atas sumbangan tunai kepada aktiviti kebajikan, sukan dan projek berkepentingan nasional akan dinaikkan daripada 7 peratus daripada jumlah pendapatan **kepada 10 peratus**, iaitu sama seperti syarikat ketika ini.

17. Saya amat berharap kedua-dua inisiatif fiskal ini akan terus memupuk budaya menderma dalam kalangan individu mahupun badan-badan korporat dan syarikat, apa lagi bagi tujuan membantu golongan B40.

18. Saya juga difahamkan bahawa setiap sumbangan yang disalurkan kepada Dana Inspirasi Malaysia ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Kebajikan dan Pelajaran YaPEIM dan dengan itu layak mendapat Pengecualian Cukai Pendapatan.

19. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak sama ada individu, syarikat dan badan-badan korporat untuk sama-sama menyokong Dana Inspirasi Malaysia melalui sumbangan yang disalurkan demi kelangsungan masa hadapan anak-anak yang memerlukan.

20. Jika selama ini kita begitu lancar membaca maksud Hadith Nabi Muhammad SAW

yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim,

"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia suka saudaranya mendapat (kebaikan seperti) apa yang dia sendiri suka mendapatnya,"

maka pada hari ini, bersama-samalah kita mempraktikkannya.

21. Allah SWT berfirman dalam ayat 261, Surah Al-Baqarah, yang bermaksud: *"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan*

melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.”

22. Sesungguhnya ayat ini memberi motivasi kepada kita semua untuk memulakan atau terus menyumbang kepada jalan yang baik seperti menyumbang kepada Dana Inspirasiku.

Hadirin hadirat sekalian,

23. Tahniah kepada YaPEIM yang telah menjadi pemangkin dalam membantu Kerajaan melestarikan bantuan yang

sangat kritikal kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Sekiranya kemudahan tunai diterima daripada Bantuan Sara Hidup (BSH) digunakan untuk keperluan belanja isi rumah, maka Dana Inspirasiku pula akan menjadi pelengkap bagi keperluan persekolahan anak-anak mereka.

24. Dalam masa yang sama, saya menyeru semua organisasi dan yayasan yang menerima sumbangan orang ramai supaya menegakkan prinsip-prinsip akauntabiliti, ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik.

Ini termasuk menyediakan laporan tahunan penerimaan dan perbelanjaan

termasuk pemberian kepada kumpulan sasaran dan diletakkannya di laman sesawang masing-masing.

Pendekatan sebegini sudah semestinya memberi satu tahap keyakinan yang tinggi kepada penyumbang, dan menjadikan mereka menyumbang secara berterusan.

25. Saya juga bangga dengan keputusan YaPEIM memperuntukkan **RM1 juta kepada Dana Inspirasiku** ini sebagai tanda komitmen dan kesungguhannya untuk menjayakan danaini.

Semoga komitmen ini akan menjadi pemangkin dan mendorong badan-badan

korporat, syarikat-syarikat dan orang ramai untuk menyumbang kepada dana ini.

26. Adalah menjadi harapan kita, untuk terus mengembleng dana ini sebagai tabungan untuk tujuan pendidikan yang kondusif dan meredakan kegelisahan mereka yang memerlukan dengan menyokong usaha-usaha ini dengan tagline #INGATKEBAJIKANINGATYaPEIM jom bersama YaPEIM menyumbang kepada Dana Inspirasi Malaysia.

27. Dengan lafaz  dengan ini saya melancarkan DANA INSPIRASI MALAYSIA (INSPIRASIKU) dengan doa agar Dana ini mencapai objektifnya.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.